

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Y.B DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**
- TARIKH** : **7 OKTOBER 2014**
- SOALAN** : **Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu yang melibatkan perkauman memandangkan terdapat banyak kes-kes yang melibatkan hasutan terhadap agama dan bangsa.

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya mengakui bahawa sejak kebelakangan ini terdapat kenyataan-kenyataan berbentuk hasutan yang boleh menyinggung perasaan kaum-kaum tertentu. Keadaan ini boleh menjadi punca berlakunya perpecahan atau terjejasnya perhubungan antara kaum-kaum di negara ini. Menyedari hakikat ini, kerajaan melalui JPNIN bersungguh-sungguh untuk menangani isu ini melalui usaha-usaha untuk meningkat, mengukuhkan dan memelihara perpaduan.

Di antara usaha-usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:

- I. Melaksanakan pendampingan awam (public engagement) dengan badan-badan berkepentingan melalui sesi perbincangan meja bulat (RTD) untuk mengetahui dan mendapatkan input-input ke arah usaha menyatupadu masyarakat.
- II. Mempertingkatkan dan memperkasakan program dan aktiviti program perpaduan masyarakat melalui mekanisma perpaduan sedia ada seperti Rukun Tetangga, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara. Di antara penekanannya meliputi teras patriotisma dan persefahaman melalui program seperti Program Demi Negara dan Sayangi Komuniti. Kefahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang terkandung dalam Rukun Negara diterjemahkan melalui aktiviti-aktiviti yang terancang.
- III. Menganjurkan Program Silang Budaya untuk memberi penekanan tentang budaya, adat-resam dan agama kaum-kaum di negara ini. Dengan cara ini boleh meningkatkan kefahaman masyarakat tentang sosio-budaya dan agama masyarakat berlainan kaum.

- IV. Meningkatkan peranan Skwad Uniti dibawah RT yang mana ahli-ahli terdiri daripada berbilang kaum boleh mewujudkan interaksi di antara satu sama lain ke arah memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Skwad Uniti berteraskan semangat tolong-menolong, hormat-menghormati, kerjasama dan melebarkan jaringan.
- V. Menjalankan kajian dari masa ke semasa bersama IPTA untuk mengetahui punca sebenar masalah perkauman dan kaedah-kaedah penyelesaian terbaik dan wajar dilakukan oleh kerajaan.

Tan Sri Yang Dipertua;

Selain daripada usaha-usaha di atas, halatuju (Way Forward) dalam masa yang sama kerajaan untuk berusaha mengukuhkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), ke arah usaha-usaha mengukuhkan perpaduan melalui seperti berikut:

- I. Kerjasama melaksanakan program bersama NGO agama di bawah Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- II. Pelancaran Slogan Perpaduan peringkat kebangsaan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 9 September 2014, di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur yang turut melibatkan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang akan mempamerkan slogan / tema perpaduan disetiap produk dan perkhidmatan mereka, sesuai dengan tema membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian.
- III. MyInternship Program yang melibatkan penempatan pelajar bumiputra IPTA di syarikat bukan bumiputra bukan sahaja untuk mempelajari gerak kerja yang sistematik tetapi juga meningkatkan interaksi di kalangan para pekerja.
- IV. Program Penghayatan dan Pemupukan Perpaduan, juga dilaksanakan bersama swasta seperti "Say Something Nice" oleh Anas Zubedy Sdn.Bhd.
- V. Kerajaan juga merancang untuk mengadakan perbincangan dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan dalam memupuk perpaduan.

Tan Sri Yang Di Pertua ;

Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya di Parlimen pada pembukaan Persidangan Parlimen Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen ke 13 yang lepas telah menyeru agar semua pihak mengelak daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, sebenarnya perpaduan antara rakyat amat kukuh ini terbukti melalui tragedi MH 17 di mana rakyat tanpa mengira kaum dan agama bersama-sama bertafakur atau "Minute of Silence" semasa ketibaan jenazah penumpang dan anak kapal MH 17 di tanah air.

SEKIAN TERIMA KASIH

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 14

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah terkini saman dan kutipan bayaran saman melalui Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) sejak mula dikuatkuasakan hingga kini mengikut lokasi kamera AES dan nyatakan juga tunggakan bayaran saman AES ; dan
- (b) adakah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) masih mengendalikan sistem AES ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) *Automated Enforcement System* (AES) telah dilaksanakan di 14 lokasi dan sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 1,492,084 saman bagi kesalahan AES telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sejak AES mula dikuatkuasa pada 23 September 2012 dengan jumlah kutipan bayaran saman sebanyak RM51,434,650.00 Bilangan saman AES yang masih belum selesai adalah sebanyak 1,298,015 saman.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Buat masa ini, pihak JPJ masih lagi mengendalikan sistem AES dengan operasi melibatkan 10 kamera tetap dan 4 kamera *mobile* di 14 lokasi sedia ada.